

Mencegah Kemungkaran

Daripada Abu Said al-Khudri RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ
وَذَلِكَ أَوْعَفُ الْإِيمَانِ

Maksudnya: “Sesiapa di antara kamu melihat sesuatu kejahatan, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya, sekiranya tidak sanggup hendaklah dengan lisannya, dan sekiranya tidak sanggup hendaklah dengan hatinya yang demikian itu (mengingkarkan dengan hati) adalah selamah-lemah iman.”

Riwayat Muslim dalam sahihnya (49) dan Abu Laith al-Samarqandi dalam *Tanbih al-Ghafilin* (hal. 60)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Adapun cara melarang berbuat kejahatan atau mungkar itu, *imma* dengan tangannya iaitu dengan tindakan keras, “*wa imma*” dengan lisannya iaitu dengan memberikan nasihat atau sekurang-kurangnya dengan mengingkarkan dengan hatinya.
2. Maka di atas tafsiran ayat dan hadis yang disebutkan itulah ayat ini membawa pengertian hendaklah kamu menjadi umat yang menyeru orang supaya berbuat kebajikan dan menegah orang daripada mengerjakan kejahatan.
3. Maka pihak yang berpegang dengan pendapat itu mengatakan الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر adalah fardu kifayah yang bermakna jika ada seseorang

Islam melakukannya terlepaslah tanggungjawab itu dari orang-orang Islam yang lain.

4. Ada pula setengah ulama yang mentafsirkan ayat ini bahawa kalimat من di sini للتبعيض ertinya untuk sebahagian, kerana di dalam umat Islam itu terdapat golongan yang lemah dan golongan yang tidak berdaya untuk melaksanakannya النهي عن المنكر والأمر بالمعروف. Oleh sebab itu, moleklah adanya kalimah من dalam ayat ini, yang membawa pengertian hendaklah ada sebahagian di antara kamu yang menjadi umat yang menyeru kepada kebaikan dengan cara yang menyuruh memperbuat kebajikan dan melarang daripada kejahatan.
5. Seseengah mufasirin mengatakan النهي عن المنكر والأمر بالمعروف ini terkhusus kepada para ulama dan ketua-ketua Islam, tidaklah mungkin orang-orang jauh dapat melaksanakannya disebabkan kejahilannya. Ulama-ulama dan ketua-ketua tersebut mempunyai pengaruh dan kekuasaannya yang mana dengan adanya pengaruh dan kekuasaan mereka menjalankannya dan cepat memberi kesan. Pendapat demikian berdasarkan penafsiran bahawa ayat ini hanya ditumpukan kepada sebahagian daripada umat Islam.
6. Dalam melaksanakan *nahi munkar* keperluan kepada ilmu dan uslub hikmah amat penting bahkan menjadi prasyarat kerana matlamat daripada kedua-dua tersebut ialah untuk menjadikan manusia tunduk dan patuh yang terbit daripada keikhlasan hati kepada Yang Maha Esa, bukan semata-mata kerana takut kepada undang-undang atau orang-orang tertentu.
7. Ini kerana, jika didasarkan atas demikian sudah pasti seseorang yang berniat tidak baik akan mencari peluang dan ruang, bahkan sanggup menciptanya untuk mencapai hajat dan cita-citanya. Ini sudah tentu konsep amar makruf lebih kepada tempelan semata-mata, tetapi tidak dapat menjiwai hati dan sanubari masyarakat yang membawa sesuatu perubahan yang menyeluruh dalam semua aspek kehidupan.
8. Antara ciri-ciri yang selayaknya yang perlu ada bagi daie atau pendakwah yang bertujuan melengkapkan lagi kejayaan dakwah dengan lebih berkesan ialah:

Salim al-Akidah

Akidah yang sejahtera (*salimul akidah*) merupakan sesuatu yang harus ada pada setiap daie. Dengan akidah yang sejahtera, seorang daie akan memiliki ikatan yang kuat kepada Allah SWT dan dengan ikatan yang kuat itu tidak

akan menyimpang dari jalan dan ketentuan-Nya. Dengan kebersihan dan kemandirian akidah, seseorang daie akan menyerahkan segala perbuatannya kepada Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam.

(Surah al-An'am: 162)

Sahih al-Ibadah

Ibadah yang sah (*sahihul ibadah*) merupakan salah satu perintah Rasulullah SAW yang penting. Dalam satu hadisnya yang bermaksud: “Sembahyanglah kamu seperti mana kamu melihat aku sembahyang.” - Riwayat al-Bukhari

Daripada ungkapan ini, dapat disimpulkan bahawa dalam melaksanakan setiap peribadatan, haruslah merujuk kepada sunnah Rasulullah SAW.

Matin al-Khuluq

Akhlak yang kukuh (*matinul khuluq*) atau akhlak yang mulia merupakan sikap dan perilaku yang mesti dimiliki oleh setiap Muslim, lebih-lebih lagi pendakwah (daie), baik dalam hubungannya kepada Allah SWT mahupun dengan makhluk-makhlukNya. Dengan akhlak yang mulia, manusia akan bahagia dalam hidupnya, baik di dunia apatah lagi di akhirat nanti.

Rasulullah SAW sendiri telah mencontohkan kepada kita akhlaknya yang agung sehingga diabadikan oleh Allah SWT di dalam al-Quran sebagaimana firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya: Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung.

(Surah al-Qalam: 4)

Qawiy al-Jism

Kekuatan jasmani (*qawiyul jismi*) merupakan salah satu ciri peribadi muslim yang harus ada. Kekuatan bererti seorang daie memiliki daya tahan tubuh sehingga dapat melaksanakan ajaran Islam secara optimum dengan fizikalnya yang kuat. Oleh kerana itu, kesihatan jasmani harus mendapat perhatian seorang daie dan pencegahan dari penyakit jauh lebih utama dari pengobatan.

Muthaqqaf al-fikri

Intelek dalam berfikir (*muthaqqaful fikri*) merupakan salah satu ciri pendakwah yang penting. Kerana itu salah satu sifat Rasul adalah *fatanah* (cerdas) dan al-Quran banyak mengungkap ayat-ayat yang merangsang manusia untuk berfikir. Contohnya, firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعَةٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا
 أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ
 الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: Mereka bertanya kepadamu tentang arak dan judi. Katakanlah: Pada keduanya terdapat dosa yang besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya. dan mereka bertanya kepadamu apa yang mereka nafkahkan. Katakanlah: Yang lebih dari keperluan. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu supaya kamu berfikir.

(Surah al-Baqarah: 219)

Dalam Islam, tidak ada satu pun perbuatan yang harus kita lakukan kecuali dimulai dengan aktiviti berfikir. Oleh sebab itu, daie seharusnya memiliki wawasan keilmuan yang luas. Kita dapat membayangkan betapa bahayanya suatu perbuatan tanpa dapat pertimbangan pemikiran secara matang terlebih dahulu.

Oleh itu, Allah SWT menanyakan kepada kita tentang tingkatan intelektual seseorang sebagaimana firman-Nya:

أَمَّنْ هُوَ قَنِتٌ ءِأَنَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: *Apakah kamu hai orang musyrik yang lebih beruntung ataukah orang yang beribadat di waktu-waktu malam dengan sujud dan berdiri, sedang ia takut kepada (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhannya? Katakanlah: Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran.*

(Surah al-Zumar: 9)

Mujahadatu linafsihi

Berjuang melawan hawa nafsu (*mujahadatu linafsihi*) merupakan salah satu keperibadian yang harus ada pada diri seorang daie kerana setiap manusia memiliki kecenderungan pada melakukan perkara baik atau buruk. Melaksanakan kecenderungan pada perkara yang baik dan menghindari yang buruk amat menuntut adanya kesungguhan dan kesungguhan itu akan ada di dalam seseorang yang berjuang dalam melawan hawa nafsu.

Oleh kerana itu, hawa nafsu yang ada pada setiap diri manusia itu dapat ditundukkan dalam ajaran Islam. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Tidak beriman seseorang daripada kamu sehingga ia menjadikan hawa nafsunya mengikut apa yang aku bawa (ajaran Islam).”* - Riwayat al-Hakim

Harisun ala waqtihi

Bijak menjaga waktu (*harisun ala waqtihi*) merupakan faktor penting bagi manusia. Ini kerana waktu itu sendiri mendapat perhatian yang begitu besar daripada Allah SWT dan Rasul-Nya. Allah SWT banyak bersumpah di dalam al-Quran dengan menyebut nama waktu.

Allah SWT memberikan waktu kepada manusia dalam jumlah yang sama setiap seorang iaitu 24 jam sehari semalam. Dari waktu yang 24 jam itu, ada manusia yang beruntung dan tidak sedikit manusia yang rugi. Bertepatan ada pepatah yang menyatakan: Lebih baik kehilangan jam daripada kehilangan waktu. Waktu merupakan sesuatu yang cepat berlalu dan tidak akan kembali.

Oleh kerana itu, setiap daie amat dituntut menggunakan waktunya dengan baik sehingga waktu dapat berlalu dengan baik dan digunakan secara efektif, iaitu tidak melakukan perkara yang sia-sia. Maka, antara yang diambil berat oleh Nabi SAW adalah memanfaatkan momentum lima perkara, iaitu:

“Waktu hidup sebelum mati, sihat sebelum sakit, muda sebelum tua, senang sebelum sibuk dan kaya sebelum miskin.”

Munazzamun fi syuunihi

Teratur dalam suatu urusan (*munazzamun fi syuunihi*) termasuk keperibadian seorang daie yang ditekankan oleh al-Quran mahupun al-Sunnah. Oleh kerana itu, dalam hukum Islam, baik yang berkait dengan masalah ubudiyah mahupun *muamalah* harus diselesaikan dan dilaksanakan dengan baik. Ketika suatu urusan ditangani secara bersama-sama, maka diharuskan bekerjasama dengan baik sehingga Allah SWT menjadi cinta kepadanya.

Dengan erti kata lain, suatu urusan dilakukan secara profesional walau apapun yang dikerjakannya, profesionalisme selalu mendapat perhatian daripada-Nya.

Qadirun ala al-Kasbi

Memiliki kemampuan untuk berusaha sendiri (*Qadirun ala al-Kasbi*) merupakan ciri lain yang harus ada pada seorang daie. Ini merupakan sesuatu yang amat diperlukan. Mempertahankan kebenaran dan berjuang hanya mampu dilaksanakan seseorang dengan adanya kemahiran, terutama dari segi ekonomi. Ramai orang mengorbankan prinsip yang telah dianutnya

kerana tidak memiliki kemahiran dari segi ekonomi. Kerana itu, peribadi daie tidaklah mesti miskin.

Seorang daie boleh menjadi kaya raya bahkan memang harus kaya agar dia mampu menunaikan haji dan umrah, zakat, infaq, sedekah dan mempersiapkan masa depan yang baik. Oleh kerana itu, perintah untuk mencari nafkah amat banyak di dalam al-Quran mahu pun hadis dan hal itu memiliki keutamaan yang sangat tinggi.

Dalam kaitan menciptakan kemahiran inilah seorang daie amat dituntut memiliki keahlian apa sahaja yang baik agar dengan keahliannya itu menjadi sebab baginya mendapat rezeki yang telah Allah SWT sediakan dan harus baginya mengambil untuk keperluan kemahiran mahupun keterampilan.

Nafiu lighairihi

Bermanfaat bagi orang lain (*nafiu lighairihi*) merupakan sebuah tuntutan kepada setiap daie. Manfaat yang dimaksudkan ialah manfaat yang baik walaupun di mana pun dia berada. Orang di sekitarnya merasakan keberadaannya kerana bermanfaat besar. Maka jangan sampai seorang daie adanya tidak mengganggu. Ini bererti setiap daie itu harus selalu berfikir, mempersiapkan dirinya dan berupaya semaksimum mungkin untuk memberi manfaat dalam hal-hal tertentu sehingga jangan sampai tidak dapat mengambil peranan yang baik dalam masyarakatnya. Dalam kaitan inilah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “*Sebaik-baik manusia adalah paling bermanfaat bagi orang lain.*” - Hadis ini diriwayatkan oleh al-Qudhaie daripada Jabir

Demikian secara umum profil seorang daie yang disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah, sesuatu yang perlu kita pahatkan pada diri kita masing-masing.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Jangan terpengaruh dengan perkataan buruk dan ungkapan keji yang dikatakan tentang diri anda, kerana itu akan menyakiti orang yang mengatakannya, dan bukan diri anda sendiri.
- ❖ **Pujangga berkata:** Tindakan-tindakan yang baik akan menghalang diri untuk masuk ke tempat-tempat yang buruk, akal yang cergas akan mencegah kesalahan yang dipacu oleh hawa nafsu, sedangkan pengalaman hidup lebih mendatangkan manfaat daripada seribu nasihat.

Kisah Teladan

Umar Ibn al-Khatib adalah seorang khalifah yang terkenal giat dalam bekerja. Beliau bekerja siang dan malam sehingga beliau kurang tidur. Ketika suatu malam isterinya berkata: *“Mengapakah engkau belum tidur, wahai suamiku?”*

Umar Ibn al-Khatib pun menjawab: *“Seandainya aku banyak tidur di malam hari, maka hilanglah jiwaku. Dan seandainya aku banyak tidur di siang hari, maka sengsaralah rakyatku.”*

Khalifah Umar RA sangat membenci orang yang suka menganggur dan malas. Ia pernah mengusir pemuda-pemuda dari masjid dan memukulnya kerana mereka berdiam diri sahaja di dalam masjid. Khalifah Umar RA berkata kepada mereka: *“Keluarlah kalian semua dari masjid ini berseraklah mencari rezeki. Sesungguhnya langit itu tidak akan menurunkan emas dan perak.”*

Beliau juga berkata: *“Sungguh seseorang yang biasa dengan kemalasan (sifat malas) dan menganggur dalam hidup ini, maka ia akan ditimpa oleh kesusahan, kegelisahan dan kebimbangan, di samping itu syaitan akan selalu memberikan bisikan-bisikan buruk kepadanya. Adapun jika ia bekerja, maka hatinya akan tenang tenteram, dan terhindar dari bisikan-bisikan syaitan.”*

Kegelisahan, kesusahan, stress dan penyakit-penyakit jiwanya dapat diatasi dengan menyibukkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat. Maka dari itu, sibukkanlah dirimu selalu, nescaya penyakit-penyakit jiwa itu akan hilang darimu.